

# SEKITAR



EDISI 2 : 16 - 31 JAN 2016

Menghadapi Cabaran Keselamatan dalam ketitaktentuan ekonomi dunia masa kini



Perhimpunan Penguatkuasaan Sektor Awam bersama Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, anjuran CUEPACS

**ms3**



Langkah Ceria @JPA4U

**ms2**



Sesi Ramah Mesra Tan Sri KPPA bersama Peserta Program DPA INTAN Tahun 2015

**ms3**



Majlis Amanat Tan Sri KPPA 2016

**ms4**

# PERHIMPUNAN PENGUATKUASAAN SEKTOR AWAM BERSAMA KPPA

1Malaysia Customer Service of Civil Servants atau 1Serve merupakan inisiatif transformasi yang diperkenalkan bertujuan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan sistem penyampaian petugas barisan hadapan (front liners) di Sektor Awam menerusi jaringan kolaboratif strategik dengan agensi swasta khususnya dalam bidang latihan dan perkongsian amalan-amalan terbaik (best practices).

Inisiatif 1SERVE dilaksanakan melalui kerjasama strategik daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Jika sebelum ini, pelanggan perlu mencari kaunter perkhidmatan berdasarkan urusan yang mereka mahukan, dan perlu ke kaunter lain pula untuk urusan lain, namun sekarang, melalui pendekatan satu kaunter pelbagai perkhidmatan, pelanggan boleh menikmati segala kemudahan yang ditawarkan oleh sesebuah jabatan hanya melalui satu kaunter sahaja.

Sehubungan itu, prinsip utama pelaksanaan ini adalah untuk memberi perkhidmatan yang berimpak tinggi, kos minimum dan pelaksanaan yang pantas dan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan sistem penyampaian petugas barisan hadapan (front liners) di Sektor Awam.



Maklumat bagi perkhidmatan yang ditawarkan dan jumlah tenaga kerja di JPN dan JIM UTC Keramat adalah seperti berikut:

## **Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)**

### **Perkhidmatan:**

- Permohonan/Penukaran/Gantian Kad Pengenalan
- Pendaftaran Kelahiran / Kematian & Anak Angkat
- Perkahwinan dan Perceraian
- Kewarganegaraan
- Siasatan dan Penguatkuasaan
- Cetakan Mykad
- Kaunter Serahan Mykad / MyPR/ Mykid

## **Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)**

### **Perkhidmatan:**

- Permohonan Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA)
- Pembaharuan Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA)



Pelancaran kaunter 1Serve di UTC Keramat melakar sejarah yang tersendiri apabila buat julung-julung kalinya menerusi inisiatif 1Serve, kita gabungkan kaunter perkhidmatan JPN dan kaunter perkhidmatan JIM di bawah lembayung Kementerian Dalam Negeri.

UTC Keramat telah dipilih sebagai agensi perintis dalam merealisasikan hasrat untuk mewujudkan satu kaunter pelbagai perkhidmatan menerusi penggabungan kaunter perkhidmatan JIM dan JPN. Pelaksanaan 1Serve di UTC Keramat dilaksanakan dengan kolaboratif strategik JPA dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, selaku Pemilik dan Pengurus Bangunan UTC Keramat, Kementerian Kewangan selaku peneraju dalam penubuhan UTC, Kementerian dalam Negeri khususnya JPN dan JIM, atas usaha penggabungan kaunter perkhidmatan JPN dan JIM di UTC Keramat.

Hasrat akhir ialah agar Petugas Kaunter di JPN bukan sahaja boleh melaksanakan urusan agensi sendiri sahaja, tetapi boleh juga melayan pelanggan JIM, dan sebaliknya

## PERHIMPUNAN BULANAN YAB PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA JABATAN PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA: Pada 11 Januari 2016 telah berlangsung perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang pertama bagi 2016. YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam amanat beliau meminta anggota pentadbiran awam untuk melaksanakan langkah mengoptimalkan perbelanjaan dan bukan mengenakan pendekatan jimat cermat dalam pentadbiran pada tahun ini.

YAB Perdana Menteri juga mahu penjawat awam menggunakan daya fikiran kreatif dan inovatif untuk meningkatkan produktiviti.

Beliau menegaskan bahawa dua perkara ini perlu menjadi tumpuan utama dalam pentadbiran kerajaan pada tahun ini bagi menangani faktor luaran yang tidak dapat dikawal oleh Malaysia.

Dalam ucapan beliau lagi, beliau menegaskan bahawa mengoptimalkan perbelanjaan

bukanlah bermaksud sebagai langkah 'austerity' (jimat cermat) namun ia lebih kepada melihat bagaimana setiap ringgit yang akan dibelanjakan boleh mendatangkan hasil dan kesan yang paling besar.

Selain itu, penjawat awam perlu bekerja lebih keras dan menggunakan minda untuk berfikir secara kreatif dan inovatif untuk meningkatkan produktiviti. Beliau menekankan 'give me solution' (beri saya penyelesaian).

Anggota pentadbiran Kerajaan juga perlu kembali kepada agenda rakyat didahulukan dan 'people's economy' (ekonomi keperluan rakyat). Walaupun keadaan ekonomi adalah di luar kawalan Negara, namun YAB Perdana Menteri berharap agar anggota Perkhidmatan Awam memberi tumpuan penuh terhadap segala projek dan program yang telah dirancang.



“ YAB PM mahu penjawat awam menggunakan daya fikiran kreatif dan inovatif untuk meningkatkan ”

## MAJLIS SEMURNI HATI SEINDAH BUDI TKPPA (O) & PTTK



Pada 11 Januari 2016, telah berlangsung Majlis Semurni Hati Seindah Budi di Mezzanine, C1 JPA. Majlis ini diadakan bertujuan untuk menghargai khidmat dan jasa kedua pegawai JPA, YBhg. Dato' Ahmad Jailani Muhamed Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) dan YM Datuk Raja Zaedah Raja Ahmad, Pegawai Tugas-tugas Khas KPPA.

YBhg. Dato' Ahmad Jailani Muhamed Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) ditukarkan ke Kementerian Kemajuan, Luar Bandar dan Wilayah sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) berkuat kuasa pada 11 Januari 2016. Sementara itu, YM Datuk Raja Zaedah Raja Ahmad, Pegawai Tugas-tugas Khas KPPA telah tamat kontrak setahun dan akan bersara.



Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dalam ucapan beliau berkata bahawa JPA akan merasai kehilangan dua orang pegawai yang berwibawa dan banyak berjasa kepada JPA dan Perkhidmatan Awam.

Bak kata pepatah Melayu, patah kan tumbuh, hilang kan berganti, namun yang hilang akan tetap kekal abadi. Sudah pastinya JPA akan merindui ketiadaan YBhg. Dato' Ahmad Jailani Muhamed Yunus dan YM Datuk Raja Zaedah Raja Ahmad.

# MESYUARAT AGUNG PUSPANITA KE 33 CAWANGAN JPM



Pada 13 Januari 2016 telah berlangsung Mesyuarat Agung PUSPANITA ke 33 Cawangan JPM di Auditorium JPM, Kompleks B. Seramai 250 orang ahli-ahli PUSPANITA JPA telah hadir.

Mesyuarat dimulakan dengan pembentangan dan pengesahan Laporan Tahunan PUSPANITA JPM 2015. Ia diikuti dengan pemilihan ahli Jawatankuasa Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Kebangsaan ke 34.

Perasmian Mesyuarat Agung PUSPANITA JPM ke 33 telah dilakukan oleh YBhg. Datin Wan Azizon bin Wan Ahmad, Pengerusi PUSPANITA JPM.

Di kesempatan itu, Puan Sri Asmahan Ismail, Pengerusi PUSPANITA JPA dijemput untuk menyampaikan Anugerah Cemerlang PUSPANITA JPM kepada tiga orang ahli PUSPANITA yang menunjukkan komitmen dan pencapaian cemerlang pada tahun 2015. Majlis turut menyampaikan bantuan musim sejuk PUSPANITA JPM kepada Islamic Relief Fund.

Selepas itu, ceramah khas mengenai 'Cabaran dan Perjuangan OKU' telah disampaikan oleh Dr. Aizan Sofia Amin pensyarah OKU dari UKM dan ceramah 'Keselamatan Jalan Raya' disampaikan oleh Encik Nazly Shah bin Mohd Nasir, Pegawai Penguatkuasa daripada Jabatan Keselamatan Jalan Raya.

**"INTEGRITI DAN KECEKAPAN PENJAWAT AWAM DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN KEPADA RAKYAT ADALAH TUNJANG UTAMA YANG AKAN MEMAKMURKAN EKONOMI MELALUI PENINGKATAN HASIL KERAJAAN DAN NEGARA."**

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Perhimpunan Penguatkuasaan Sektor Awam 2016  
27 Januari 2016

www.jpa.gov.my | Jabatan Perkhidmatan Awam | @jpa2day

SELAMAT MENYAMBUT  
**HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2016**

www.jpa.gov.my | Jabatan Perkhidmatan Awam | @jpa2day